

# Universiti Walailak Bekerjasama Dalam Bidang Pendidikan Bersama UniMAP



**13 Mei, 2008-** Universiti Walailak sememangnya telah mempraktikkan kerjasama di dalam pendidikan di mana pelajarnya didedahkan dengan persekitaran kerja apabila mereka bekerja nanti. Walaupun agak sukar dalam mencari persamaan antara kehendak pelajar dengan apa yang terdapat di dunia luar telah menyuarakan hasratnya untuk bekerjasama dalam bidang yang sama dengan UniMAP semasa kunjungan mereka ke sini baru-baru ini.

Menurut Assistant Prof. Dr. Potjamen Suraninpong, Pengarah Kerjasama Pendidikan daripada Universiti Walailak, pelajar daripada Universiti Walailak, akan dihantar ke luar negeri bagi menjalani latihan industri sekiranya tiada mana-mana syarikat tempatan di Thailand yang sesuai untuk mereka. Hal ini dilihat sesuai sebagai kerjasama antara Universiti Walailak dan UniMAP yang mana pelajar tersebut akan menjalani program pertukaran pelajar bersama UniMAP tetapi ditempatkan di industri tempatan bagi menjalani latihan industri.

Antara yang turut serta di dalam delegasi yang terdiri daripada 8 orang iaitu diketuai oleh Asst. Prof. Dr. Wattanapong Kurdthongmee, Asst. Prof. Dr. Preemon Nakarin, Asst. Prof. Dr. Pornbhasra Supakorn, Asst. Prof. Dr. Mudtorleb Nisoa dan Miss Sanghatai Kubklomsong.

Selain daripada bekerjasama dalam bidang pendidikan, Universiti Walailak turut berminat untuk mengadakan kerjasama antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Delegasi turut dibawa melawat ke makmal dan lain-lain kemudahan yang terdapat di UniMAP.